



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan UPM, Lembaga Pengarah Universiti membuat Dasar berikut:**

# **DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN) 2019**

Universiti Putra Malaysia beriltizam untuk membangunkan persekitaran dan menerapkan budaya kerja yang selamat dan sihat melalui perkongsian tanggungjawab antara pihak pengurusan dengan komuniti kampus mengikut kapasiti masing-masing untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif. Isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan akan diberi kepentingan dan diambil tindakan yang sama status kepentingannya dengan matlamat utama UPM.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan dilaksanakan dan disemak semula dari semasa ke semasa untuk memastikan adanya kesinambungan program ke arah pembaikan yang berterusan.

## **Pemansuhan**

Dasar Universiti Putra Malaysia (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 2013 yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam Mesyuarat LPU pada 10 Disember 2013 (Minit LPU ke-99) adalah dimansuhkan.

Dibuat 10 Disember 2019

[Minit Mesyuarat LPU ke-138/05]

[UPM/PPUU/100-1/1/2 (DasarKKP/ UPM.PPKKP.500-7/4)]

**TAN SRI DR. GHAUTH JASMON**  
*Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Putra Malaysia*